



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

JPN KOMITED BANTERAS AMALAN RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merujuk kepada beberapa laporan akhbar pada 3 dan 4 Julai 2023 (Isnin dan Selasa) berkaitan JPN disiasat berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Jabatan ini mengambil serius terhadap perkara tersebut. Adalah menjadi prinsip JPN yang sama sekali tidak akan berkompromi terhadap sebarang amalan rasuah dan salah guna kuasa melibatkan kakitangan Jabatan ini.

JPN kekal komited menangani gejala rasuah di peringkat Jabatan dengan melaksanakan penambahbaikan prosedur pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri secara berterusan serta mengadakan pelbagai program pengukuhan integriti kakitangan bagi memastikan tiada sebarang ruang penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

JPN juga ingin mengingatkan orang ramai, tiada ejen atau orang tengah yang dilantik bagi sebarang urusan di JPN. Jangan mempercayai sebarang tawaran perkhidmatan dari pihak yang tidak bertanggungjawab dengan mengenakan sebarang bayaran. Maklumat mengenai prosedur permohonan dan bayaran-bayaran yang dikenakan boleh dirujuk di portal rasmi JPN atau boleh hadir ke mana-mana 212 pejabat JPN untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan.

TAMAT.

**ZAMRI MISMAN
KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA
4 JULAI 2023**

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*